

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1986/87

RGP 051 - Ekonomi untuk PBP

Tarikh: 9 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi  
( 2 Jam )

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SOALAN 1 dan TIGA soalan yang lain.

1. Dalam bulan Februari 1986 yang lalu kerajaan telah melancarkan satu rancangan untuk membina sejumlah 240,000 unit rumah kos rendah di seluruh negara dalam tempuh selama 3 tahun bermula dari tahun 1986 hingga tahun 1988.

(a) Jika dapat dilaksanakan sepenuhnya, bagaimanakah rancangan pembinaan secara besar-besaran itu boleh menyumbangkan kepada ekonomi negara? Berikan andaian-andaian anda.

(b) Dari sudut ekonomi, mengapakah Kerajaan perlu campurtangan dalam menyediakan tempat kediaman kepada rakyat?

(40 markah)

2. Apakah yang dimaksudkan dengan ekonomi campuran? Huraikan bagaimanakah masalah-masalah ekonomi dapat diatasi oleh sistem ekonomi campuran dan apakah kelebihan-kelebihannya jika dibandingkan dengan sistem ekonomi yang lain?

(20 markah)

...2/-

3. (a) Apakah faktor-faktor yang menjadi penentu kepada permintaan pasaran ke atas barang atau perkhidmatan?
- (b) Hasil keluaran Industri Binaan mempunyai ciri-ciri yang agak berbeza dari barang yang dikeluarkan oleh Industri-Industri lain. Pada pandangan anda, bagaimanakah ciri-ciri tersebut memberi kesan ke atas permintaan hasil keluaran Industri Binaan?

(20 markah)

4. Berikut ialah maklumat-maklumat mengenai pengeluaran kerusi yang ditanggung oleh seorang pengusaha kedai perabut. Setiap kerusi yang dikeluarkan dapat dijual dengan harga \$95/- (sembilan puluh lima ringgit) tiap-tiap satu.

Bil Kerusi yang dikeluarkan	Kos Tetap	Kos Berubah
0	100	0
1	100	80
2	100	150
3	100	215
4	100	280
5	100	360
6	100	470
7	100	635
8	100	860
9	100	1,160

- (a) Berdasarkan kepada maklumat tersebut, anda dikehendaki melukiskan:-
- (i) Kelok Kos Tetap Purata
  - (ii) Kelok Kos Berubah Purata
  - (iii) Kelok Kos Purata
  - (iv) Kelok Kos Sut
- (b) Berapakah jumlah kerusi yang patut dikeluarkan oleh Firma tersebut untuk mendapatkan untung yang maksimum? Jelaskan sebab-sebabnya.

(20 markah)

5. "Corak pengurusan ekonomi oleh kerajaan mempunyai pengaruh yang besar ke atas Industri Binaan sama ada secara langsung atau secara tidak langsung" Beri penjelasan anda sama ada ada untuk menyokong atau menidakkann kenyataan tersebut.

(20 markah)

6. Jelaskan mengenai EMPAT dari yang berikut:-

- (a) Hukum Permintaan dan Penawaran
- (b) Keseimbangan Pengeluaran
- (c) Permintaan Berkait
- (d) Ekonomi Skil
- (e) Persaingan Tak Sempurna
- (f) Keanjalan Permintaan Harga

(20 markah)

-ooooOooo-

